

DINAMIKA HUBUNGAN ANTARA KOMUNITI MELAYU, CINA DAN SIAM DI KELANTAN

[THE DYNAMICS OF RELATIONS AMONG THE MALAY, CHINESE AND SIAMESE COMMUNITIES IN KELANTAN]

ZURIATI MOHD RASHID¹ & TUAN RUSMAWATI RAJA HASSAN²

¹ Jabatan Pengajian Umum, Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan, Beg Berkunci 01, 16300 Bachok, Kelantan, Malaysia. E-Mail: zuriati.mr@umk.edu.my

² PEMIKIR, Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan, Beg Berkunci 01, 16300 Bachok, Kelantan, Malaysia. E-Mail: rusmawati.rh@umk.edu.my

Corresponding Author E-Mail: rusmawati.rh@umk.edu.my

Received: 14 April 2025

Accepted: 30 April 2025

Published: 5 May 2025

Abstrak: Kelantan merupakan salah sebuah negeri yang sinonim dengan penerapan dasar pentadbiran berteraskan nilai-nilai Islam yang kukuh serta didominasi oleh masyarakat Melayu sebagai etnik majoriti. Walaubagaimanapun berdasarkan kajian terdahulu, masyarakat Cina dan Siam tidak mengalami diskriminasi, malah hidup dalam suasana yang harmoni bersama jiran-jiran Melayu mereka. Oleh itu, kajian hubungan antara masyarakat Melayu dengan komuniti minoriti seperti masyarakat Cina dan Siam yang telah berakar umbi dan hidup secara bersama dalam jangka masa yang panjang amat sesuai dijalankan. Hubungan antara etnik di Kelantan membentuk satu ekosistem sosial yang unik dan berbeza berbanding negeri-negeri lain di Malaysia, di mana toleransi, saling hormat-menghormati dan budaya hidup bersama menjadi asas kepada kewujudan harmoni antara kaum. Kajian ini dilaksanakan dengan memberi fokus kepada daerah Pasir Mas, iaitu kawasan yang menempatkan pelbagai kelompok etnik dan mencerminkan dinamika sosial Kelantan secara keseluruhan. Melalui temu bual bersama 20 orang pemimpin komuniti dan penduduk tempatan, kajian ini meneliti sejauh mana unsur kebebasan beragama, penggunaan bahasa Melayu loghat Kelantan, serta budaya gotong-royong menyumbang kepada pembentukan perpaduan yang autentik antara kaum. Ditemukan bahawa perpaduan di Kelantan tidak semata-mata bergantung kepada program rasmi kerajaan atau kempen perpaduan, sebaliknya terjalin melalui pengalaman hidup bersama, interaksi seharian dan amalan kemasyarakatan yang diwarisi turun-temurun. Dapat dikatakan bahawa Kelantan merupakan negeri yang mencerminkan model perpaduan berasaskan nilai kemasyarakatan tempatan, budaya setempat dan penghormatan yang mendalam terhadap kepelbagaian agama. Fenomena ini wajar dijadikan rujukan dalam membentuk dasar perpaduan nasional yang lebih inklusif dan realistik.

Kata Kunci: Kelantan, Melayu, Cina, Siam, Perpaduan

Abstract: Kelantan is one of the states that is synonymous with the implementation of administrative policies rooted in strong Islamic values and is predominantly inhabited by the Malay community as the majority ethnic group. Nevertheless, previous studies indicate that the Chinese and Siamese communities do not experience discrimination; instead, they live in harmony alongside their Malay neighbors. Therefore, a study of the relationship between the Malays and minority communities such as the Chinese and Siamese who have long been rooted and coexisted over an extended period is highly relevant. Interethnic relations in Kelantan form a unique social ecosystem that differs from other states

in Malaysia, where tolerance, mutual respect, and a culture of coexistence serve as the foundation for harmonious living among diverse groups. This study focuses on the district of Pasir Mas, an area that accommodates various ethnic groups and reflects the broader social dynamics of Kelantan. Through interviews with 20 community leaders and local residents, this research examines the extent to which elements such as religious freedom, the use of the Kelantan Malay dialect, and the practice of gotong-royong (mutual cooperation) contribute to the formation of authentic interethnic unity. The findings reveal that unity in Kelantan is not solely dependent on official government programs or unity campaigns; rather, it is nurtured through shared lived experiences, everyday interactions, and community practices passed down through generations. In conclusion, Kelantan can be seen as a state that exemplifies a model of unity grounded in local societal values, indigenous culture, and deep respect for religious diversity. This phenomenon deserves to be used as a point of reference in shaping a more inclusive and realistic national unity policy.

Keywords: Kelantan, Malays, Chinese, Siamese, Unity, Tolerance



This is an open-access article under the CC–BY 4.0 license

Cite This Article:

Zuriati Mohd Rashid & Tuan Rusmawati Raja Hassan. (2025). Dinamika Hubungan antara Komuniti Melayu, Cina dan Siam di Kelantan. [The Dynamics of Relations Among the Malays, Chinese and Siamese Communities in Kelantan]. *UFUQ International Journal of Arts and Social Science Research*, 5(2), 22-40.

PENGENALAN

Kelantan merupakan sebuah negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia yang kaya dengan warisan budaya dan sejarahnya yang tersendiri. Terletak bersempadan dengan Thailand (utara), negeri ini turut berjiran dengan Terengganu (timur), Pahang (selatan) dan Perak (barat). Dengan keluasan kira-kira 15,040 kilometer persegi, Kelantan terdiri daripada sepuluh jajahan utama termasuk Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Tanah Merah, Machang, Bachok, Kuala Krai, Jeli, Pasir Puteh dan Gua Musang, serta menjadikan Kota Bharu sebagai pusat pentadbiran dan kegiatan ekonomi utama negeri (Roff, 1974; Kamarulnizam, 2010).

Digelar sebagai “Serambi Mekah”, negeri ini sinonim dengan penghayatan nilai-nilai Islam dalam segenap aspek kehidupan masyarakat dan struktur pentadbiran kerajaan negeri (Liow, 2009). Meskipun masyarakat Melayu-Islam membentuk majoriti populasi, Kelantan turut dihuni oleh pelbagai etnik minoriti seperti Cina, Siam, India, dan Orang Asli yang memainkan peranan penting dalam pembangunan negeri dari sudut ekonomi, budaya dan sosial (Baharuddin, 2005; Cheah, 2002).

Menurut statistik rasmi (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023), Kelantan mempunyai populasi sekitar 2.1 juta orang, dengan 94 peratus daripadanya terdiri daripada etnik Melayu. Komuniti Cina merangkumi kira-kira 3.5 peratus dan tertumpu di kawasan bandar, manakala masyarakat Siam yang beragama Buddha aliran Theravada membentuk sekitar satu peratus, terutamanya menetap di kawasan sempadan seperti Tumpat dan Pasir Mas. Kehadiran komuniti-komuniti ini bukanlah suatu fenomena baharu, malah telah berakar umbi sejak zaman pra-kemerdekaan melalui hubungan perdagangan, penghijrahan, dan asimilasi budaya (Tan, Ho & Tan, 2005; Carstens, 2005).

Dari sudut sejarah, masyarakat Cina di Kelantan kebanyakannya terdiri daripada keturunan Hokkien, Hakka dan Teochew, manakala masyarakat Siam dikenali melalui identiti budaya dan keagamaan mereka yang masih kukuh, terutama melalui pembinaan kuil-kuil (wat) yang berfungsi sebagai pusat keagamaan dan sosial (Narayanan, 2011; Mohamed Yusoff Ismail, 1993). Mereka tidak hanya mengekalkan amalan keagamaan secara ritualistik, tetapi juga menunjukkan keupayaan beradaptasi dengan masyarakat majoriti melalui semangat toleransi dan kerjasama antara etnik (Hanapi Dollah, 1986).

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis hubungan antara masyarakat Cina dan Siam dengan masyarakat Melayu dari perspektif kebebasan beragama dan toleransi budaya. Melalui temu bual lapangan bersama pemimpin komuniti dan penduduk setempat di daerah Pasir Mas, artikel ini meneliti bagaimana pengalaman hidup bersama, penggunaan bahasa Melayu dialek Kelantan, serta budaya gotong-royong membentuk asas kepada perpaduan sosial yang tulen dan lestari. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada naratif yang lebih seimbang berkenaan dinamika hubungan antara etnik di Kelantan dalam kerangka Malaysia sebagai negara majmuk.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini memfokuskan kepada dinamika hubungan antara etnik yang berlaku di negeri Kelantan, khususnya di daerah Pasir Mas yang dihuni oleh masyarakat pelbagai kaum. Dalam konteks ini, tiga bentuk hubungan utama dikenal pasti sebagai teras kajian, iaitu: hubungan antara masyarakat Cina dan Siam, hubungan antara masyarakat Cina dan Siam dengan masyarakat Melayu, dan hubungan ketiga-tiga masyarakat ini dengan Perlembagaan Persekutuan Malaysia serta Kerajaan Tempatan.

Hubungan antara masyarakat Cina dan Siam di Kelantan memperlihatkan jalinan erat yang terbentuk hasil perkongsian sejarah migrasi, kedudukan geografi yang berdekatan, serta amalan budaya dan agama yang saling menghormati. Kedua-dua komuniti ini walaupun berbeza dari segi mazhab Buddha Mahayana bagi masyarakat Cina dan Theravada bagi masyarakat Siam tetap berkongsi nilai spiritual yang serupa dan terlibat bersama dalam upacara keagamaan, perayaan serta kegiatan sosial. Mereka turut bekerjasama dalam aktiviti ekonomi, pendidikan, dan kebajikan yang memperkukuh jaringan sosial rentas etnik minoriti.

Seterusnya, hubungan antara masyarakat Cina dan Siam dengan masyarakat Melayu pula menunjukkan pola interaksi yang relatif harmoni, yang diasaskan atas prinsip toleransi beragama dan semangat kejiranan. Dalam konteks negeri Kelantan yang bermajoriti penduduk Melayu beragama Islam, kedua-dua komuniti minoriti ini telah menunjukkan keupayaan untuk menyesuaikan diri secara pragmatik dengan struktur sosial dan norma setempat. Hubungan ini diperkukuh melalui kerjasama dalam aktiviti komuniti, penglibatan dalam pertubuhan bukan kerajaan (NGO), serta sokongan bersama terhadap usaha pembangunan pendidikan dan ekonomi setempat.

Terakhir, hubungan semua masyarakat Cina, Siam dan Melayu dengan Perlembagaan Persekutuan dan struktur Kerajaan Tempatan membentuk kerangka perundangan dan pentadbiran yang mendasari kelangsungan hidup bersama. Perlembagaan Malaysia menjadi rujukan utama dalam menjamin hak-hak asasi, kebebasan beragama, serta perlindungan kepada warisan budaya pelbagai kaum. Di peringkat tempatan pula, kerjasama dengan pihak berkuasa

tempatan seperti Majlis Daerah dan Pejabat Tanah membolehkan ketiga-tiga komuniti melibatkan diri secara aktif dalam perancangan pembangunan dan dasar-dasar komuniti.

Oleh itu, ketiga-tiga bentuk hubungan ini akan diuraikan dengan lebih lanjut dalam bahagian-bahagian berikut, dengan sokongan data lapangan, wawancara bersama pemimpin komuniti, serta rujukan akademik yang relevan. Kajian ini bukan sahaja bertujuan untuk menelusuri akar perpaduan dan toleransi yang wujud, tetapi juga untuk menilai secara kritikal peranan struktur sosial, budaya dan perundangan dalam menjamin keharmonian antara etnik di negeri Kelantan, khususnya dalam konteks masyarakat akar umbi di Pasir Mas.

HUBUNGAN MASYARAKAT CINA DAN SIAM DI KELANTAN

Hubungan antara masyarakat Cina dan masyarakat Siam di Kelantan memperlihatkan satu bentuk interaksi minoriti yang unik dalam konteks sosioagama dan budaya negeri yang majoritinya beragama Islam. Perbezaan utama antara masyarakat Cina dan Siam di Kelantan dengan negeri lain terletak pada tahap akulturasi dan integrasi dengan masyarakat majoriti Melayu. Di negeri seperti Pulau Pinang, Selangor, atau Johor, masyarakat Cina umumnya mengekalkan identiti “Cina tulen” dengan penggunaan bahasa Mandarin atau dialek Cina yang kuat, sistem pendidikan Cina, dan pengaruh budaya dari China atau Taiwan (Tan Chee-Beng, 1993). Manakala masyarakat Siam di utara Malaysia seperti di Perlis dan Kedah masih mengekalkan hubungan budaya dan bahasa yang rapat dengan Thailand (Winzeler, 1985).

Di Kelantan, kedua-dua komuniti ini lebih cenderung untuk berasimilasi dengan budaya tempatan. Malah, ramai dalam kalangan mereka tidak lagi dikenali sebagai “Cina” atau “Siam” dalam konteks tradisional, tetapi sebagai “Cina Kelantan” atau “Siam Kelantan” yang memiliki identiti hibrid (Pue Giok Hun, 2012). Kajian oleh Hanapi Dollah (1986) menunjukkan bahawa proses asimilasi ini telah menyebabkan sempadan antara Cina Peranakan dan Melayu menjadi semakin kabur dan ini menyumbang kepada keunikan dalam hubungan interaksi sesama mereka.

Masyarakat Cina dan Siam, walaupun berasal daripada latar sejarah, etnik, dan agama yang berbeza, telah menunjukkan tahap kerjasama, toleransi, dan penyesuaian budaya yang tinggi dalam kehidupan seharian. Kehadiran mereka di Kelantan bukanlah fenomena baharu, sebaliknya merupakan hasil kesinambungan sejarah penghijrahan dan penempatan yang telah berlaku sejak sebelum era penjajahan British (Narayanan, 2011; Mohamed Yusoff Ismail, 1993).

Sejarah awal mencatatkan bahawa masyarakat Cina mula menetap di Kelantan pada penghujung abad ke-19 melalui aktiviti perdagangan dan perlombongan. Komuniti ini terdiri daripada pelbagai sub-etnik seperti Hokkien, Hakka dan Teochew, yang membawa bersama kepercayaan Buddha Mahayana, Taoisme, Konfusianisme dan unsur animisme Cina (Tan, Ho, & Tan, 2005). Sementara itu, masyarakat Siam pula, yang menetap terutamanya di daerah sempadan seperti Tumpat dan Pasir Mas, merupakan penganut ajaran Buddha aliran Theravada. Mereka telah lama berakar umbi di Kelantan dan mendirikan wat-wat sebagai pusat komuniti dan keagamaan (Mohamed Yusoff Ismail, 2006).

Interaksi antara masyarakat Cina dan Siam di Kelantan telah menghasilkan satu bentuk perpaduan yang tidak hanya bersandarkan faktor geografi dan kejiranan, tetapi juga kepada perkongsian nilai, kepercayaan, dan aspirasi untuk mempertahankan warisan budaya masing-

masing dalam persekitaran masyarakat Melayu-Muslim yang dominan (Zuriati & Engku Ahmad Zaki, 2011). Perkongsian ruang ibadat, terutamanya melalui kehadiran masyarakat Cina dalam wat Buddha semasa upacara keagamaan seperti Hari Wesak, mencerminkan keterbukaan kedua-dua komuniti dalam mengiktiraf dan menghormati tradisi keagamaan masing-masing.

Yeap Kway Theng (2024) menyatakan bahawa “untuk aktiviti mingguan yang diadakan di wat seperti wan phra, turut disertai oleh orang Tao. Orang Tao pergi. Tao dan Buddha boleh gi maghi. Adat orang Kelantan” menunjukkan bahawa masyarakat Cina beragama Tao dan masyarakat Siam beragama Theravada Buddha berjaya mengekalkan warisan budaya serta amalan agama mereka melalui ruang sosial dan keagamaan yang dikongsi bersama. Amalan wan phra (hari uposatha) di wat, yang pada asalnya merupakan ritual Theravada Buddha, turut disertai oleh penganut Tao dari kalangan masyarakat Cina. Penyertaan silang ini mencerminkan sifat inklusif dan keterbukaan dalam amalan budaya setempat.

Fenomena ini membuktikan bahawa kedua-dua komuniti minoriti Cina dan Siam dapat mempertahankan identiti budaya masing-masing bukan secara terasing, tetapi dengan cara yang serasi dengan suasana masyarakat Kelantan. Kehadiran penganut Tao dalam aktiviti keagamaan di wat menunjukkan bahawa batas antara ritual keagamaan dan adat kemasyarakatan Cina yang berpegang kepada kepercayaan orang Cina yang terdiri dari fahaman Tao, Buddha, Kongfusius, ajaran datuk moyang and adat tradisi orang Cina. Jadi, peristiwa ini membuka ruang kepada integrasi budaya tanpa menjejaskan warisan asal kedua-dua komuniti.

Tambahan pula, ungkapan “adat orang Kelantan” menggambarkan bahawa keharmonian dan kerjasama ini telah menjadi sebahagian daripada norma sosial masyarakat tempatan. Dengan kata lain, penyertaan bersama dalam ritual dan aktiviti keagamaan bukan sahaja memperkukuh kedudukan budaya Cina dan Siam, malah turut menegaskan bahawa warisan mereka mampu dipertahankan melalui adaptasi dalam konteks kehidupan berbilang kaum di Kelantan.

Dari aspek keagamaan, walaupun masyarakat Cina dan Siam berpegang kepada mazhab Buddha yang berbeza iaitu Mahayana dan Theravada, mereka tetap berkongsi nilai-nilai teras seperti konsep karma, reinkarnasi, kasih sayang dan penghormatan terhadap makhluk hidup. Malah, dalam beberapa kes, wujud pertukaran amalan seperti penyertaan masyarakat Cina dalam sesi meditasi yang dianjurkan oleh wat Siam, serta penglibatan masyarakat Siam dalam perayaan di tokong Cina (Cheah Swee Ping, 2011; Ching Julia, 2018).

Menurut Tok Lung (2024), “kita di Kampung Tendong ni berpegang kepada Tao-Buddhism, apabila upacara Tao, kita akan jalankan bersama dengan fahaman Buddhism. Jadi inilah yang bezanya. Sebab kalau ikut betul-betul Tao, adalah Tao. Dan kalau ikut betul-betul Buddhism adalah Buddhism. Tapi di Kelantan ni sangat unik sebab kita gabungkan dan dijalankan serentak antara Tao dan Buddhism. Dan biasanya Cina kampung yang buat”.

Penyataan ini menunjukkan amalan beragama masyarakat Cina di Kampung Tendong memperlihatkan satu bentuk keunikan yang jarang ditemui di tempat lain. Kenyataan ini menunjukkan wujudnya satu bentuk sinkretisme agama, iaitu penggabungan dua tradisi keagamaan Taoisme dan Buddhisme yang dijalankan serentak sebagai sebahagian daripada warisan budaya setempat.

Fenomena ini menegaskan bahawa identiti keagamaan masyarakat Cina kampung di Kelantan tidak terikat secara mutlak kepada satu tradisi, sebaliknya lebih bersifat fleksibel dan adaptif. Mereka tidak melihat Taoisme dan Buddhisme sebagai entiti yang bertentangan, tetapi

sebagai ajaran yang boleh disepadukan dalam konteks kehidupan berkomuniti. Hal ini sejajar dengan sifat budaya masyarakat perantauan Cina yang sering mengadaptasi amalan agama mengikut konteks setempat, bagi memastikan kesinambungan tradisi dan keharmonian sosial.

Secara keseluruhannya, pengalaman masyarakat Cina di Kampung Tendong menunjukkan bahawa agama tidak hanya berfungsi sebagai ruang ritual semata-mata, tetapi juga sebagai mekanisme sosial untuk membentuk identiti bersama dan perpaduan komuniti. Keunikan gabungan Tao-Buddhism di Kelantan memperlihatkan bagaimana kepelbagaian keagamaan dapat diuruskan secara harmoni, sekali gus mencerminkan sifat dinamik warisan budaya masyarakat minoriti Cina di negeri tersebut.

Tambah beliau lagi (Tok Lung, 2024) “Gabungan ni, boleh saya kata seluruh Kelantan. Di luar Kelantan, mungkin payah nak jumpa. Sangat-sangat payah nak jumpa sebab kalau dia aliran Tao, dia Tao sahaja. Dan kalau dia Buddhist, dia Buddhist sahaja. Ni yang saya tengok di luarlah. Cuma di Kelantan ni lain sedikit. Buddhism biasanya lebih kepada pakaian kuning. Ini konsep ajaran Buddha. Pengikutnya yang ikut ajaran Buddha, Tok cha atau sami atau Bhikkhu berpakaian seperti itu. Taoism ni lebih kepada dewa penjaga. Maksudnya patung, tangki merujuk kepada dewa. Bila boleh ke masyarakat Cina, benda ini boleh digabungkan dan ianya tidak menjadi satu kesalahan pun. Uniknyanya di situ!”

Fenomena gabungan antara Taoisme dan Buddhisme bukan sahaja wujud di Kampung Tendong, tetapi boleh dikatakan menyeluruh di Kelantan. Kenyataan ini memperlihatkan bahawa sinkretisme Tao-Buddhism merupakan satu ciri khas identiti masyarakat Cina di Kelantan, dan ia jarang ditemui di negeri-negeri lain di Malaysia. Secara tradisi, Taoisme dan Buddhisme mempunyai perbezaan yang ketara dari segi doktrin dan simbolisme. Namun, dalam konteks Kelantan, kedua-dua tradisi ini tidak dipisahkan, sebaliknya digabungkan dan diamalkan secara serentak dalam ritual serta upacara keagamaan.

Fenomena ini menunjukkan sifat inklusif dan praktikal masyarakat Cina Kelantan dalam menghayati agama. Bagi mereka, penggabungan Taoisme dan Buddhisme bukanlah suatu kesalahan, bahkan dianggap sebagai kekuatan yang memperkayakan tradisi setempat. Ia juga menunjukkan bahawa amalan agama tidak bersifat kaku, tetapi mampu menyesuaikan diri dengan konteks sosial dan budaya yang mengelilinginya.

Keunikan ini dapat difahami melalui lensa sinkretisme agama, di mana tradisi keagamaan digabungkan bagi mewujudkan satu bentuk identiti yang lebih sesuai dengan realiti setempat. Dalam hal ini, masyarakat Cina Kelantan berjaya membentuk satu amalan keagamaan yang bercirikan hibrid budaya, iaitu campuran elemen Taoisme dan Buddhisme yang berjalan seiring tanpa pertentangan.

Secara keseluruhannya, pengalaman ini membuktikan bahawa masyarakat Cina Kelantan bukan sahaja berjaya mempertahankan warisan budaya mereka, tetapi juga mampu menyesuaikannya dengan keadaan setempat, sehingga lahir satu bentuk keagamaan yang unik dan tersendiri, yang tidak terdapat di tempat lain di Malaysia.

Dari sudut kebudayaan pula, elemen-elemen seperti seni ukiran, hiasan kuil, serta penyertaan dalam persembahan kebudayaan sekolah dan komuniti memperlihatkan pencampuran nilai estetika dan simbolisme yang kaya serta saling melengkapi (Tan Chee-Beng, 2020; Lim Francis Khok Gee, 2019). Selain itu, hubungan ini turut diperkukuhkan melalui aktiviti ekonomi seperti perniagaan runcit dan perkhidmatan yang melibatkan interaksi harian antara kedua-dua komuniti (Chong Lai Hin, 2008).

Perkahwinan campur antara komuniti Cina dan Siam juga telah membentuk jaringan kekeluargaan yang erat, sekali gus merapatkan jurang budaya dan bahasa. Ramai dalam kalangan generasi muda kedua-dua komuniti menguasai lebih daripada satu bahasa ibunda, termasuk Bahasa Thai dan dialek Hokkien, hasil daripada interaksi keluarga dan sosial yang rapat (Narayanan, 2011).

Yeap Kway Theng (2024) turut menyatakan “adat orang Kelantan, perkahwinan campur di antara Cina dan Siam telah berlaku sejak beratus tahun dulu. Ianya merupakan adat. Cina asli dari negara China berhijrah ke Kelantan dan berkahwin dengan penduduk tempatan iaitu Siam. Sebab itu orang kampung bercampur, boleh bercakap Cina dan Siam, jadi gedung dengan wat ni mempunyai hubungan mesra. Kerana dari keturunan yang sama. Kalu sabit titih, tidak orang lain, anak beranak belaka”.

Penyataan ini memperlihatkan bahawa hubungan antara komuniti Cina dan Siam di Kelantan bukan sahaja terjalin melalui interaksi sosial semasa, tetapi juga melalui ikatan kekeluargaan yang diwarisi sejak turun-temurun. Perkahwinan campur antara imigran Cina yang berhijrah dari tanah besar China dengan penduduk tempatan beretnik Siam telah membentuk satu bentuk asimilasi budaya yang unik, sekaligus mengukuhkan kedudukan kedua-dua komuniti ini dalam struktur sosial Kelantan.

Perkahwinan campur ini membawa implikasi yang mendalam terhadap identiti budaya setempat. Menurut beliau, hasil daripada ikatan tersebut, masyarakat kampung dapat bertutur dalam bahasa Cina dan Siam secara serentak, melahirkan generasi dwibahasa yang secara tidak langsung memperkukuh warisan linguistik kedua-dua etnik. Keupayaan bahasa ini bukan sahaja mengekalkan jati diri budaya, tetapi juga memudahkan komunikasi serta mempererat hubungan sosial dalam kalangan komuniti yang berkongsi ruang kehidupan.

Selain itu, penyataan ini turut menekankan bahawa perpaduan antara komuniti Cina dan Siam turut tercermin dalam institusi keagamaan masing-masing. Tokong (gedung) dan wat bukan sahaja menjadi pusat ibadah, tetapi juga berfungsi sebagai ruang sosial yang menyatukan masyarakat melalui ikatan sejarah dan keturunan. Hal ini menjadikan kedua-dua institusi tersebut sebagai simbol hubungan harmoni yang terjalin sejak sekian lama.

Dan penyataan ini juga menunjukkan bahawa komuniti Cina dan Siam di sesetengah kawasan Kelantan mempunyai pertalian darah yang rapat sehingga mereka melihat diri mereka sebagai sebahagian daripada keluarga besar yang sama. Kefahaman ini secara langsung memperkukuh solidariti dan mengurangkan jurang etnik, kerana mereka tidak lagi dilihat sebagai kumpulan yang terpisah, tetapi sebagai komuniti yang saling berkongsi asal usul dan warisan. Oleh itu, secara keseluruhannya, penyataan ini menegaskan bahawa hubungan rapat antara masyarakat Cina dan Siam di Kelantan telah diperkukuh melalui perkahwinan campur sejak berabad lamanya, sekaligus menghasilkan sebuah komuniti yang bukan sahaja mengekalkan warisan budaya masing-masing, tetapi juga menzahirkan identiti bersama yang berasaskan darah, bahasa, agama, dan adat setempat.

Selain aspek kehidupan harian, komuniti Cina dan Siam juga bekerjasama dalam kegiatan kebajikan seperti program gotong-royong, derma darah, bantuan bencana dan aktiviti persatuan komuniti pelbagai kaum. Mereka turut memainkan peranan aktif dalam NGO dan jawatankuasa tempatan, dan seringkali terlibat dalam program bersama dengan masyarakat Melayu serta agensi kerajaan negeri (Zuriati & Engku Ahmad Zaki, 2011).

Meskipun wujud cabaran seperti kekurangan dana, kemerosotan penyertaan generasi muda dalam aktiviti keagamaan, dan persepsi negatif terhadap minoriti bukan Islam dalam negeri yang beridentitikan Islam, namun hubungan antara masyarakat Cina dan Siam terus kekal utuh. Ini membuktikan bahawa perpaduan bukan hanya dapat dicapai antara kaum majoriti dan minoriti, malah juga antara dua kelompok minoriti yang berbeza latar belakang, selagi wujud semangat saling menghormati, tolak ansur dan keinginan untuk bekerjasama demi keharmonian bersama.

Dalam konteks Malaysia masa kini yang sering diuji dengan ketegangan perkauman dan keagamaan, naratif hubungan akrab masyarakat Cina dan Siam di Kelantan sewajarnya dijadikan contoh bagaimana perbezaan dapat diurus secara matang dan progresif. Pengalaman bersama mereka memperkukuh hujah bahawa integrasi sosial yang berjaya tidak hanya bersandarkan dasar kerajaan, tetapi juga kesediaan masyarakat akar umbi untuk memahami, menghormati dan menyokong satu sama lain dalam kepelbagaian.

HUBUNGAN MASYARAKAT CINA DAN SIAM DENGAN MASYARAKAT MELAYU DI KELANTAN

Hubungan antara masyarakat Cina dan Siam dengan masyarakat Melayu di Kelantan mencerminkan satu bentuk jalinan sosial yang unik dan signifikan dalam konteks pluralisme budaya Malaysia (Hanapi Dollah, 1986). Meskipun Kelantan sering dikaitkan dengan identiti politik Islam serta dominasi penduduk Melayu-Islam, namun realiti di peringkat akar umbi memperlihatkan suatu jaringan hubungan antara etnik yang harmoni, saling menghormati dan penuh toleransi (Baharuddin, 2005). Kesatuan ini terbina bukan secara kebetulan, tetapi melalui warisan sejarah yang panjang, perkongsian geografi, kerjasama ekonomi, dan interaksi harian yang telah membentuk keakraban budaya merentas batas etnik (Tan Chee-Beng, 1993; Carstens, 2005).

Sejarah mencatatkan bahawa komuniti Siam merupakan antara etnik bukan Melayu yang terawal menetap di Kelantan, khususnya di kawasan sempadan seperti Tumpat dan Pasir Mas yang dahulunya berada di bawah pengaruh kerajaan Siam (Narayanan, 2011). Mereka telah diterima sebagai anggota sah dalam masyarakat setempat serta diberikan ruang untuk mengamalkan kepercayaan dan budaya Theravada secara bebas, termasuk mendirikan wat dan menjalankan upacara keagamaan mereka (Mohamed Yusoff Ismail, 1993). Sementara itu, migrasi masyarakat Cina ke Kelantan pula mula berlangsung sekitar abad ke-19, dipacu oleh kegiatan ekonomi seperti perdagangan, perlombongan dan pertanian. Komuniti ini menetap terutamanya di kawasan bandar seperti Kota Bharu, Wakaf Bharu dan Pasir Mas, serta membangunkan tokong dan kuil Tao sebagai pusat keagamaan dan komuniti (Tan, Ho & Tan, 2005; Chong, 2009).

Menurut Owi Ten Tian (2024), “sepanjang pembinaan temple, tiada sebarang sekatan dari penganut beragama Islam. Masyarakat Cina dan Islam di sini mempunyai kerja sama yang baik dan mempunyai hubungan yang baik. Tidak pernah balloh dengan orang Melayu”. Pernyataan ini menunjukkan masyarakat Cina tidak mendapat sebarang tentangan dari masyarakat Melayu sekitar malah, mereka mempunyai hubungan baik sehinggakan mereka tidak pernah bergaduh.

Hubungan antara masyarakat Cina dan Siam dengan orang Melayu tidak terhad kepada ruang formal atau acara perayaan semata-mata. Mereka berkongsi ruang fizikal yang sama dari kawasan kediaman, premis perniagaan, hinggalah ke kemudahan awam yang membentuk jaringan interaksi sosial yang harmoni, khususnya di kawasan luar bandar dan pekan kecil yang kurang didominasi oleh ketegangan politik atau polarisasi budaya (Zuriati, 2008).

Owi Ten Tian (2024) menceritakan dahulu, orang Melayu mari tolong angkat dan alih padi ayah beliau ketika hujan lebat dan banjir. Kisah ini memperlihatkan bahawa hubungan antara Melayu dan Cina tidak hanya terbina atas dasar keperluan ekonomi semata-mata, tetapi juga berlandaskan semangat kemanusiaan, solidariti, dan nilai gotong-royong yang mendalam. Peristiwa seperti ini mencerminkan bagaimana interaksi harian dan pengalaman hidup bersama di kampung telah mewujudkan jalinan kepercayaan dan saling bergantung antara etnik. Pertolongan tanpa mengira perbezaan agama atau budaya menunjukkan bahawa perpaduan di Kelantan terbentuk secara organik melalui amalan kemasyarakatan dan adat setempat. Hal ini juga menegaskan bahawa elemen perpaduan tidak bergantung sepenuhnya pada dasar kerajaan atau kempen perpaduan rasmi, tetapi lebih banyak berakar daripada pengalaman kolektif, hubungan kejiwaan, dan nilai murni yang diwarisi turun-temurun.

Dapatan temubual lapangan di beberapa buah kampung dan pekan di Pasir Mas mengesahkan kewujudan hubungan sosial yang erat antara komuniti Cina dan Siam dengan jiran-jiran Melayu mereka. Antara aspek penting yang menzahirkan keharmonian ini termasuklah:

i. Penguasaan bahasa dan budaya tempatan

Ramai dalam kalangan masyarakat Cina dan Siam di Kelantan menunjukkan tahap penguasaan yang tinggi terhadap dialek Kelantan, sekali gus memperlihatkan tahap integrasi budaya dan kepekaan sosial yang mendalam (Hanapi Dollah, 1986). Bahasa menjadi medium jalinan ekonomi dan sosial, terutama dalam urusan niaga harian serta hubungan kejiwaan. Malah, generasi muda Cina dan Siam sering kali lebih cenderung bertutur dalam dialek Kelantan berbanding bahasa ibunda mereka sendiri.

Tok Lung (2024) menyatakan, “kita di Kelantan ni sebenarnya faktor utamanya adalah bahasa. Sebab orang Cina kampung ni kok mano pun fasih berbahasa dialek Kelantan”. Salah satu faktor utama yang menjadikan hubungan masyarakat di Kelantan unik ialah penggunaan bahasa, khususnya dialek Kelantan. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai jambatan sosial yang menyatukan pelbagai kaum.

Bagi masyarakat Cina di Kelantan, penguasaan dialek Kelantan memberi kelebihan besar dalam menjalinkan hubungan dengan masyarakat sekeliling, terutamanya orang Melayu yang merupakan majoriti. Penggunaan dialek tempatan dalam kehidupan seharian baik di pasar, di kebun, atau ketika berinteraksi dalam majlis sosial, mewujudkan rasa kebersamaan dan mengikis sempadan etnik. Ia menandakan bahawa masyarakat Cina Kelantan bukanlah kelompok terasing, sebaliknya sebahagian daripada ekosistem sosial budaya negeri tersebut.

Fenomena ini juga dapat dilihat sebagai manifestasi asimilasi linguistik, iaitu proses di mana sesuatu komuniti minoriti menyesuaikan bahasa mereka dengan bahasa dominan persekitaran. Namun begitu, dalam konteks Kelantan, ia bukanlah satu bentuk kehilangan identiti, sebaliknya menambah satu lapisan kepada identiti masyarakat Cina

tempatan. Mereka tetap mempertahankan bahasa ibunda seperti Mandarin, Hokkien, atau Teochew dalam konteks tertentu, tetapi pada masa sama menjadikan dialek Kelantan sebagai medium komunikasi utama dengan masyarakat luar.

Lebih penting lagi, penggunaan dialek ini memperlihatkan sifat keterbukaan dan penerimaan silang budaya antara kaum. Ia memperkukuh hubungan harian antara orang Cina, Melayu, dan Siam di Kelantan, kerana bahasa yang dikongsi bersama melahirkan rasa keserasian, persaudaraan, dan saling memahami. Dari sudut antropologi, keadaan ini memperlihatkan bahawa bahasa adalah instrumen integrasi sosial yang ampuh dalam masyarakat majmuk.

Secara tidak langsung, hal ini turut menyumbang kepada keharmonian antara kaum. Apabila masyarakat berlainan agama dan budaya dapat bertutur dalam dialek yang sama, ia mewujudkan persepsi bahawa mereka berkongsi identiti setempat, bukan sekadar “orang Melayu” atau “orang Cina” atau “orang Siam”, tetapi sama-sama “orang Kelantan.”

ii. Perayaan dan sambutan agama

Masyarakat Cina dan Siam merayakan pelbagai perayaan tradisi seperti Tahun Baru Cina, Chap Goh Meh dan Songkran dengan keterbukaan yang tinggi. Dalam banyak keadaan, jiran-jiran Melayu turut dijemput menghadiri rumah terbuka atau ke wat semasa sambutan berlangsung (Zuriati & Engku Ahmad Zaki, 2011). Begitu juga semasa Hari Raya Aidilfitri, tradisi kunjung-mengunjung antara etnik telah menjadi kebiasaan, termasuklah kehadiran tokoh politik Melayu ke tokong Cina dan wat Siam sebagai simbol penghormatan dan penerimaan budaya (Noor, 2018).

Kesemua informan menegaskan bahawa rumah ibadat mereka bebas menyambut perayaan hari kebesaran agama masing-masing tanpa mendapat sekatan dan tekanan dari masyarakat Melayu setempat. Malahan ada segelintir masyarakat Melayu turut serta menyaksikan persembahan yang diadakan di kuil-kuil. Sebagaimana pernyataan Ba Gau Tian, Rajoo Sengkoden, dan Ah Lai Paramui di bawah:

“Masa buat wayang kulit penuh ni orang Melayu maghi. Ada sekali tu, sebelum COVID 19 buat dikir lambung ramai orang Melayu maghi. Loni dah tak buat sebab orang tak suka hiburan dan kita tak sir jejakan kesesakan lalulintas”. - Ba Gau Tian (2024).

“Kita ada majlis kita ajak Band Boy, orang Melayu maghi kelih belambok. Orang Melayu tubik masuk sini pun tak ada, sebab kita kenal belako”. - Rajoo Sengkoden (2024).

“Jika kami buat aktiviti kami akan pastikan aktiviti itu dijalankan dengan harmoni. Ketika perayaan Loy Krathong orang Melayu ikut maghi pesta”. - Ah Lai Paramui (2024).

iii. Kepekaan keagamaan

Komuniti Cina dan Siam di Kelantan menzahirkan kesedaran tinggi terhadap sensitiviti agama jiran Melayu. Aktiviti seperti pembakaran colok dan sembahyang dilakukan secara tertib tanpa mengganggu suasana sekitar. Mereka juga mengambil kira waktu solat dan menghormati azan serta majlis keagamaan Islam yang dijalankan di masjid

atau surau. Sebaliknya, masyarakat Melayu pula menghormati adat dan ritual agama komuniti bukan Islam, dan tidak pernah menunjukkan penentangan terbuka terhadap amalan kepercayaan mereka, malah kadangkala turut membantu dari aspek logistik dan keselamatan (Chong, 2009).

Tok Lung (2024) menegaskan lagi, “Cina kampung memahami masyarakat Melayu Kelantan. Apa yang boleh dan tidak boleh buat. Time azan tidak boleh buat apa, time puasa tidak boleh buat apa, dia faham. Bila dia faham jadi dia tak buat. Bila dia tak buat, jadi hubungan itu harmonilah. Jadi kita tahu dah time ni gu kita ni berpuasa. Kita gi makan depan dia, dia tak marah tetapi kadang-kadang menimbulkan perasaan yang tidak puas hati. Ataupun dia tak faham. Sebagai contoh, binatang ternakan seperti anjing dan khinzir diletak di dalam beg dan dibawa ke tempat awam, tempat ber air-corn dan sebagainya, menyebabkan timbulnya perasaan tidak puas hati orang lain. Itu yang menyebabkan berlakunya perang mulut. Bila ini terjadi, ia menjerumus kepada pergaduhan”.

Menurut Tok Lung, masyarakat Cina di Kelantan mempunyai pemahaman yang baik terhadap sensitiviti masyarakat Melayu. Mereka menyedari batasan serta larangan tertentu yang wujud dalam kehidupan seharian orang Melayu, khususnya berkaitan agama Islam. Misalnya, ketika azan berkumandang atau ketika bulan Ramadan, mereka memahami bahawa ada perkara yang tidak wajar dilakukan. Kesedaran ini mendorong mereka untuk menghormati keadaan tersebut. Apabila wujud sikap saling memahami seperti ini, hubungan antara masyarakat Cina dan Melayu dapat dikekalkan dalam suasana harmoni.

Tok Lung turut menjelaskan bahawa sekiranya perkara tersebut tidak difahami atau diabaikan, ia berpotensi menimbulkan rasa tidak puas hati. Walaupun orang Melayu mungkin tidak terus marah jika melihat orang lain makan di hadapan mereka ketika berpuasa, ia boleh menimbulkan kegelisahan atau rasa kurang senang. Hal yang sama berlaku apabila ada tindakan yang dilihat kurang sensitif, contohnya membawa binatang ternakan seperti anjing atau khinzir ke tempat awam dalam keadaan yang tidak sesuai. Keadaan ini boleh mencetuskan rasa terganggu dan tidak selesa, sehingga kadangkala membawa kepada perselisihan faham atau pertengkaran.

Daripada penjelasan ini, dapat difahami bahawa keharmonian masyarakat majmuk di Kelantan banyak bergantung pada kesedaran budaya dan agama antara satu sama lain. Masyarakat yang sensitif terhadap nilai, norma, dan larangan agama komuniti lain lebih berupaya mengekalkan hubungan baik. Sebaliknya, apabila batasan ini tidak dihormati, ia boleh mencetuskan konflik yang mengganggu keharmonian sosial. Justeru, elemen saling menghormati dan memahami perlu dipelihara agar perpaduan antara Melayu, Cina, dan Siam di Kelantan terus kekal kukuh.

iv. Perkongsian ruang sosial dan ekonomi

Hubungan harmoni turut terzahir melalui perkongsian ruang kehidupan seperti sekolah, tempat kerja, pasar, kedai runcit dan kedai makan. Anak-anak Cina dan Siam sering bersekolah di sekolah kebangsaan bersama anak-anak Melayu, lalu membina persahabatan yang kukuh sejak kecil (Ting, 1992). Dalam konteks ekonomi pula, hubungan antara pembekal dan pelanggan antara kaum mewujudkan kebergantungan

sosial yang saling memerlukan. Persaingan wujud, namun dalam semangat hormat-menghormati dan bukan dalam bentuk konflik antara kaum.

Menurut Pak Chu Awe (2024), “Huruf-huruf Jawi pun saya kenal dan saya boleh baca Jawi. Loni perkatan susah tak boleh baca dah. Dulu gi sekolah Melayu”. Beliau menyatakan bahawa dirinya mampu mengenal dan membaca tulisan Jawi kerana pernah bersekolah di sekolah Melayu pada zaman dahulu. Hal ini menunjukkan bahawa proses pembelajaran ketika itu bukan sahaja memberi ilmu asas pendidikan, tetapi turut memperkenalkan masyarakat bukan Melayu kepada elemen penting dalam budaya dan agama masyarakat Melayu.

Penguasaan tulisan Jawi oleh sebahagian masyarakat Cina mencerminkan bagaimana interaksi antara etnik berlaku dalam bentuk yang sangat praktikal. Tulisan Jawi, yang sinonim dengan identiti Islam dan budaya Melayu, menjadi medium yang turut difahami oleh orang bukan Melayu hasil daripada perkongsian ruang pendidikan. Namun, menurut Pak Chu Awe, perubahan zaman menyebabkan tulisan Jawi semakin sukar difahami oleh generasi baharu. Hal ini menandakan berlakunya pergeseran budaya di mana unsur-unsur lama semakin terhakis dalam kehidupan seharian masyarakat majmuk.

Kenyataan ini juga memperlihatkan bahawa pendidikan dan pengalaman hidup bersama masyarakat Melayu membolehkan masyarakat Cina lebih memahami budaya tempatan. Selain meningkatkan integrasi sosial, ia juga menumbuhkan rasa saling menghormati dan keterbukaan terhadap perbezaan. Justeru, tulisan Jawi bukan sahaja berfungsi sebagai simbol identiti Melayu-Islam, tetapi juga pernah menjadi jambatan yang merapatkan hubungan antara etnik di Kelantan.

v. Pemakanan yang sama dengan masyarakat melayu

Pemakanan merupakan salah satu faktor budaya yang merentasi sempadan kaum, agama, dan bahasa. Di Kelantan, pemakanan tradisional tidak hanya mencerminkan identiti Melayu tempatan, tetapi turut menjadi jambatan sosial yang menghubungkan masyarakat Cina dan Siam dengan masyarakat Melayu. Perkongsian selera dan kebiasaan makan yang sama antara ketiga-tiga komuniti ini menjadi asas kepada wujudnya suasana harmoni, penerimaan budaya, dan perpaduan sosial yang mapan (Baharuddin, 2005). Kelantan terkenal dengan kepelbagaian makanan tradisional yang unik seperti budu, ikan masin bekok, nasi kerabu, nasi dagang, solok lada, kerabu, dan pelbagai kuih tradisional seperti akok, jala emas dan nekbat. Menariknya, makanan ini tidak hanya dinikmati oleh masyarakat Melayu, tetapi turut menjadi sebahagian daripada amalan pemakanan harian komuniti Cina dan Siam di negeri ini (Chong, 2009; Tan, 1993). Malah, bukan sahaja masyarakat Cina dan Siam yang menikmati pemakanan ini, komuniti lain seperti kaum India, Orang Asli dan lain-lain komuniti di Kelantan turut berkongsi amalan pemakanan yang sama.

vi. Semangat gotong-royong dan kemanusiaan

Di Kelantan, semangat kebersamaan jelas kelihatan dalam amalan gotong-royong dan bantuan bersama ketika bencana seperti banjir atau kematian. Ketika banjir besar dan pandemik COVID-19, terdapat usaha kolaboratif antara surau, masjid dan kuil Buddha

untuk mengedarkan bantuan makanan tanpa mengira latar agama, menzahirkan keprihatinan bersama atas dasar kemanusiaan sejagat (Ng Mei Ling, 2017). Interaksi ini menjadikan komuniti pelbagai kaum saling mengenali dan mempercayai antara satu sama lain sebagai sebahagian daripada entiti sosial yang bersatu.

Owi Ten Tian (2024) turut menyatakan penduduk kampung sama-sama tanam tembakau di antara orang Cina dan Melayu. Manakala, Tan Ah Wang (2024) mengatakan “kita masih harmoni. Hantar makanan kepada orang susah termasuk orang Melayu. Sebab Buddha kata bagi kepada manusia hok susah. Sekitar ini ada orang susah, kita hantar makanan, beras. Kita tolonglah semampu yang kita ada”.

Penyataan ini memperlihatkan bahawa perpaduan antara kedua-dua etnik di Kelantan berakar daripada pengalaman bekerja bersama dalam bidang ekonomi. Aktiviti menanam tembakau bukan sekadar usaha pertanian, tetapi juga berfungsi sebagai wahana sosial yang mengikat komuniti Melayu dan Cina melalui kerjasama, saling bergantung, serta perkongsian tenaga. Dalam konteks ini, perpaduan terbentuk secara organik, hasil daripada pengalaman seharian dan keperluan hidup yang memerlukan interaksi rapat antara etnik.

Pandangan ini diperkuatkan oleh kenyataan Tan Ah Wang (2024) yang menegaskan bahawa keharmonian masih kekal hingga kini melalui amalan memberi bantuan kepada golongan memerlukan, tanpa mengira latar belakang agama atau etnik. Kenyataan ini menunjukkan bahawa nilai keagamaan, khususnya ajaran Buddha yang menekankan belas kasihan dan kemurahan hati, diterjemahkan dalam bentuk amalan sosial yang menyumbang kepada pengukuhan hubungan antara kaum.

Keseluruhannya, kedua-dua kenyataan ini menegaskan bahawa perpaduan di Kelantan berkembang melalui dua saluran penting: pertama, pengalaman hidup bersama dalam aktiviti ekonomi dan sosial; kedua, nilai keagamaan yang mendorong kepada kepedulian sejagat. Kedua-dua faktor ini saling melengkapi dalam melahirkan ekosistem sosial yang harmoni dan inklusif di antara orang Melayu dan Cina.

Tidak kurang pentingnya ialah perkahwinan campur antara masyarakat Melayu dengan masyarakat Cina atau Siam, terutamanya di kawasan sempadan. Walaupun hanya sebilangan kecil yang terlibat, perkahwinan ini sering menjadi jambatan budaya yang memperluas lagi ruang pemahaman antara komuniti, di samping mengekalkan hubungan baik dengan keluarga asal meskipun berlaku penukaran agama (Narayanan, 2011).

Keseluruhannya, hubungan antara masyarakat Melayu, Cina dan Siam di Kelantan dapat dianggap sebagai manifestasi kesepaduan sosial yang kukuh, yang berakar dalam nilai budaya Timur seperti hormat, toleransi, dan permuafakatan (Baharuddin, 2005; Muzaffar, 2002). Keakraban ini boleh dijadikan model perpaduan nasional, khususnya dalam menangani wacana perkauman yang sering kali dimanipulasi dalam ruang politik arus perdana.

HUBUNGAN PERLEMBANGAAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem persekutuan serta demokrasi berparlimen telah memperuntukkan beberapa prinsip teras dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia, termasuk jaminan kebebasan beragama, kesamarataan di sisi undang-undang, serta

pengiktirafan terhadap kepelbagaian kaum (Federal Constitution of Malaysia, 2020; Muzaffar, 2002). Bagi masyarakat Cina dan Siam di Kelantan, Perlembagaan ini berperanan sebagai dokumen induk yang menjamin hak mereka sebagai warganegara bukan Melayu dan bukan Islam. Namun demikian, interaksi mereka dengan kerajaan negeri yang diterajui oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS) sejak sekian lama memperlihatkan bentuk hubungan yang pragmatik dan berasaskan realiti kehidupan harian komuniti, yang tidak semata-mata bergantung kepada tafsiran literal perundangan (Noor, 2018; Liow Joseph Chinyong, 2009).

Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan secara jelas memperuntukkan hak setiap individu untuk menganut, mengamalkan, dan dalam had tertentu, menyebarkan agamanya. Di samping itu, Perkara 8 memperkukuhkan prinsip kesamarataan undang-undang tanpa diskriminasi atas dasar agama, bangsa, keturunan atau tempat lahir (Federal Constitution of Malaysia, 2020). Maka, dari sudut perundangan, masyarakat Cina dan Siam di Kelantan memiliki hak yang setara dengan warga lain dalam mengamalkan kepercayaan dan budaya mereka (Baharuddin, 2005; Mohamed Yusoff Ismail, 2006).

Dalam kerangka ini, masyarakat Cina dan Siam melihat Perlembagaan sebagai perisai hak yang melindungi mereka daripada sebarang bentuk kekangan melampau. Hasil temubual lapangan mendapati ramai dalam kalangan responden dari kedua-dua komuniti menyedari hak-hak perlembagaan yang dimiliki, terutamanya berkaitan kebebasan beragama dan pendidikan. Meskipun terdapat sebilangan yang kurang mendalami kandungan perlembagaan secara terperinci, kesedaran asas tentang perlindungan terhadap amalan kepercayaan warisan tetap wujud dalam kalangan mereka.

Bagi masyarakat Siam, status mereka sebagai bumiputera di beberapa negeri termasuk Kelantan memberikan kelebihan tertentu, terutama dari segi akses kepada bentuk bantuan tertentu, walaupun tidak sepenuhnya menyamai hak-hak orang Melayu (Narayanan, 2011; Mohamed Yusoff Ismail, 1993). Mereka kekal sebagai sebahagian daripada landskap kepelbagaian kaum yang diiktiraf dalam struktur kenegaraan Malaysia.

Di peringkat negeri, pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan yang didasari nilai-nilai Islam melalui dasar PAS tidak secara mutlak menafikan hak komuniti bukan Islam. Sebaliknya, terdapat amalan toleransi dan ruang perundingan dalam urusan rasmi yang melibatkan masyarakat Cina dan Siam, terutama melalui saluran institusi keagamaan seperti kuil dan wat, jawatankuasa kampung serta wakil rakyat tempatan (Noor, 2018; Hanapi Dollah, 1986).

Maklum balas daripada pemimpin komuniti mendapati bahawa mereka masih mampu mengemukakan permohonan rasmi kepada pihak berkuasa negeri bagi tujuan pembangunan, penyelenggaraan atau pembaharuan permit rumah ibadat. Meskipun proses tersebut memerlukan masa dan dokumentasi lengkap, mereka tidak menganggapnya sebagai bentuk diskriminasi (Ng Mei Ling, 2017). Malahan, terdapat kes di mana kerajaan negeri telah meluluskan pembinaan struktur baru seperti menara loceng kuil dan pusat pembelajaran agama di kawasan wat.

Selain itu, pihak berkuasa tempatan (PBT) turut menjalin kerjasama rapat dengan komuniti Cina dan Siam dalam isu-isu seperti kebersihan persekitaran, kelulusan permit bazar, serta kebenaran mengadakan perarakan keagamaan. Sebagai contoh, sambutan Tahun Baru Cina, perayaan dewa-dewi, serta acara Songkran masih dapat dilaksanakan secara terbuka dengan kebenaran polis dan PBT di beberapa lokasi strategik (Zuriati & Engku Ahmad Zaki, 2011).

Walaupun dasar Islam menjadi teras pentadbiran kerajaan negeri, semangat musyawarah tetap dikekalkan dalam berurusan dengan masyarakat bukan Islam. Walaupun bilangan wakil kaum Cina dan Siam dalam Dewan Undangan Negeri agak terhad, suara mereka tetap didengari menerusi saluran NGO, institusi keagamaan, dan hubungan langsung dengan agensi kerajaan (Roff, 1974; Kamarulnizam, 2010). Tambahan pula, mereka kerap diundang menyertai program dialog antara agama dan perpaduan anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

Perlembagaan turut memperuntukkan peranan kerajaan Persekutuan untuk memastikan bahawa hak-hak kaum minoriti dan penganut agama lain tidak disekat di mana-mana negeri. Agensi seperti Jabatan Perpaduan Negara, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS), dan Kementerian Perpaduan Negara memainkan fungsi penting dalam aspek perundangan, pendaftaran dan sokongan kewangan terhadap rumah ibadat bukan Islam (Department of National Unity, 2023).

Sebagai contoh, pelaksanaan Program Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) oleh kerajaan pusat membolehkan kuil-kuil Cina dan wat Siam menerima bantuan bagi kerja baik pulih serta pembangunan infrastruktur. Ramai pemimpin komuniti di Kelantan memanfaatkan inisiatif ini, terutamanya apabila mereka tidak mempunyai akses terus kepada dana negeri (Ng Chee Lin, 2009; Tan Chee-Beng, 2020). Perkara ini sekali gus menggambarkan peranan Perlembagaan dalam menyediakan mekanisme semak dan imbang dalam sistem persekutuan bagi menjamin kebajikan semua kaum.

Secara tuntasnya, masyarakat Cina dan Siam di Kelantan menanggapi Perlembagaan Persekutuan sebagai dokumen asas yang membolehkan mereka hidup dalam suasana aman dan harmoni, meskipun sebagai kelompok minoriti dari segi agama dan etnik (Muzaffar, 2002). Hubungan mereka dengan kerajaan negeri bersifat pragmatik, berteraskan persefahaman antara budaya yang telah terjalin sekian lama. Mereka tidak menganggap kerajaan negeri sebagai entiti yang bertentangan, sebaliknya sebagai rakan pentadbir yang boleh dirunding secara berhemah. Keharmonian yang wujud bukan semata-mata dipacu oleh undang-undang, tetapi turut disokong oleh nilai budaya, norma tempatan serta kesediaan semua pihak untuk hidup bersama secara damai (Baharuddin, 2005). Masyarakat Cina dan Siam juga tidak menuntut hak secara berlebihan atau mencabar norma dominan, sebaliknya menyesuaikan diri dengan konteks setempat. Maka, Perlembagaan berperanan sebagai kerangka asas, manakala masyarakatlah yang mengisi dan mencorakkan hubungan tersebut dalam kehidupan seharian.

KESIMPULAN

Dapat dikatakan bahawa, Kelantan mempunyai sejarah panjang sebagai sebuah negeri yang berperanan penting dalam jaringan perdagangan maritim dan daratan, yang menghubungkan wilayah Semenanjung dengan peradaban serantau seperti Siam, Kemboja, dan China. Sejak awal abad ke-18, kelompok masyarakat Cina dan Siam telah berhijrah dan menetap secara signifikan di beberapa kawasan utama seperti Pasir Mas, Tumpat, dan Kota Bharu. Kehadiran mereka memperkukuh lanskap sosioekonomi negeri dengan penglibatan aktif dalam pelbagai sektor ekonomi serta pembinaan kehidupan bersepadu bersama masyarakat Melayu setempat. Keunikan hubungan etnik di Kelantan terserlah melalui keterbukaan masyarakat Melayu yang menerima komuniti bukan Islam dengan sikap toleran dan harmoni. Kebenaran terhadap

pembinaan rumah-rumah ibadat seperti kuil, tokong dan wat mencerminkan wujudnya semangat penerimaan antara budaya dan agama yang mendalam. Hubungan antara kaum ini tidak hanya bersandarkan kepada ikatan ekonomi semata-mata, tetapi turut didasari nilai-nilai kemasyarakatan seperti gotong-royong, musyawarah dan keprihatinan bersama. Kesejahteraan sosial ini terus berakar dan berkembang tanpa gangguan besar daripada sentimen perkauman atau ideologi politik ekstrem, sebaliknya mewujudkan sebuah komuniti yang saling mempercayai dan memahami.

Meskipun Kelantan diperintah oleh kerajaan negeri yang berpaksikan prinsip Islam melalui Parti Islam Se-Malaysia (PAS), pentadbiran negeri tidak menjadikan Kelantan sebagai entiti eksklusif untuk umat Islam sahaja. Sebaliknya, kerajaan negeri telah mengamalkan pendekatan inklusif dengan membuka ruang bagi masyarakat bukan Islam menyuarakan pandangan, membina rumah ibadat, serta menjalankan upacara keagamaan dan kebudayaan mereka secara terbuka dan aman. Ini menzahirkan satu bentuk pengiktirafan tidak langsung terhadap kewujudan sah dan kesetaraan hak masyarakat Cina dan Siam sebagai warga negara Malaysia berdasarkan Perlembagaan Persekutuan. Hak kebebasan beragama yang dijamin di bawah Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan, serta prinsip kesamarataan tanpa diskriminasi atas dasar agama atau kaum, terus dihormati dalam konteks negeri Kelantan. Meskipun pentadbiran negeri didominasi oleh wacana Islam, masyarakat Cina dan Siam tetap menikmati ruang kehidupan yang kondusif. Mereka bebas melaksanakan aktiviti keagamaan seperti kelas ajaran Buddha, sesi meditasi, sambutan perayaan, serta kegiatan sosial berteraskan tradisi dan kepercayaan masing-masing. Ini membuktikan bahawa pelaksanaan nilai-nilai Islam tidak semestinya menafikan hak dan keperluan komuniti bukan Islam, bahkan masih selari dengan prinsip-prinsip Perlembagaan. Dari segi pentadbiran, meskipun terdapat kekangan seperti peruntukan yang terhad untuk pembinaan rumah ibadat bukan Islam atau ketiadaan wakil dalam pentadbiran negeri, namun mekanisme komunikasi dan rundingan masih tersedia. Pemimpin komuniti bukan Islam berpeluang berinteraksi dengan pihak berkuasa tempatan, wakil rakyat, serta agensi Persekutuan seperti Jabatan Perpaduan Negara bagi menyuarakan keperluan komuniti masing-masing. Dalam kebanyakan kes, maklum balas positif diberikan, meskipun tertakluk kepada keperluan dokumentasi dan sensitiviti umum. Tiada bukti yang menunjukkan wujudnya dasar sistematik untuk menafikan hak kebebasan beragama terhadap komuniti bukan Islam di Kelantan.

Oleh yang demikian, Kelantan wajar dijadikan rujukan atau kajian kes oleh negeri-negeri lain dalam usaha membina masyarakat majmuk yang bersatu-padu. Biarpun tidak sempurna, pengalaman Kelantan menunjukkan bahawa kepercayaan bersama, keterbukaan sosial, dan interaksi antara kaum yang berteraskan nilai-nilai lokal mampu mewujudkan ekosistem sosial yang kukuh dan stabil. Akhirnya, perpaduan yang wujud di Kelantan harus terus dipelihara dan diperkasakan melalui pendidikan nilai kepada generasi muda, pengiktirafan terhadap sumbangan semua kaum, serta penyertaan aktif komuniti bukan Islam dalam proses pentadbiran negeri. Hanya melalui usaha kolektif dan komitmen berterusan, perpaduan ini boleh dijadikan asas kepada pembangunan sosial yang lebih inklusif dan menjamin keharmonian nasional secara keseluruhan.

RUJUKAN

- Ba Gau Tian. 2024. Temu bual, 5 Ogos.
- Baharuddin, Shamsul Amri. 2005. *Kerencaman dan Kesatuan: Wacana hubungan etnik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carstens, Sharon A. 2005. *Histories, Cultures, Identities: Studies in Malaysian Chinese Worlds*. Singapore: Singapore University Press.
- Cheah, Swee Ping. 2002. *Festivals and ritual practices in Southeast Asian Taoism*. Kuala Lumpur: Harmony Publications.
- Ching, Julia. 2018. *Taoism and Religious Practices: A Historical Perspective*. Oxford: Oxford University Press.
- Chong, Lai Hin. 2009. *Komuniti Cina di Kelantan*. Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Department of National Unity. 2023. *Program Bantuan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI)*. Putrajaya: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
- Federal Constitution of Malaysia. 2020. *Laws of Malaysia: Federal Constitution (Revised)*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Hanapi Dollah. 1986. *Assimilasi Budaya: Kajian Kes komuniti Cina di Kelantan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarulnizam Abdullah. 2010. *National Unity and Ethnic Relations in Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lim, Francis Khek Gee. 2019. *Religious Identity in Multi-Religious Societies: The Case of Taoism in Malaysia*. London: Routledge.
- Lim, Hui Shan. 2014. *Syncretism in Taoist and Buddhist Practices*. Bangkok: Golden Lotus Publishers.
- Liow, Joseph Chinyong. 2009. *Piety and Politics: Islamism in Contemporary Malaysia*. Oxford: Oxford University Press.
- Mohamed Yusoff Ismail. 1993. *Buddhism and Ethnicity: Social Organization of A Buddhist Temple in Kelantan*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Mohamed Yusoff Ismail. 2006. Buddhism in A Muslim State: Theravāda Practices and Religious Life in Kelantan. e-BANGI: *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 1(1), 1–12.
- Mohd Shahrul Imran, L. A. 2013. *Pengekalan dan Perubahan Identiti Komuniti Cina Peranakan Kelantan: Satu Kajian Kes di Kampung Pasir Parit, Pasir Mas, Kelantan*. Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Shahrul Imran, L. A., & Bustami, R. 2015. Evolution and Identity of the Kelantan Peranakan Chinese: Issues and Challenges. *International Journal of Multicultural and Multireligious Understanding*, 2(1), 1–17.
- Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin et al. 2016. Assimilation of the Malay Culture towards the Straits Chinese Community in the State of Kelantan: Study in Kampung Pasir Parit, Chetok, Pasir Mas, Kelantan. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 6(11), 38–51.

- Muzaffar, Chandra. 2002. *Rights, Religion and Reform: Enhancing Human Dignity Through Spiritual and Moral Transformation*. Petaling Jaya: International Movement for a Just World (JUST).
- Narayanan, Ramakrishnan. 2011. *Masyarakat Siam di Malaysia: Sejarah dan budaya*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ng, Chee Lin. 2009. *Offerings and Symbolism in Taoist Worship*. Singapore: Cloud Gate Publications.
- Ng, Mei Ling. 2017. *Temple Management and The Future of Religious Institutions in Southeast Asia*. Springer.
- Noor, Norazila Mohd. 2018. Toleransi agama dalam pentadbiran negeri Kelantan: Satu kajian terhadap rumah ibadat bukan Islam. *Jurnal Syariah dan Undang-undang*, 26(2), 34–48.
- Owee Ching Lyu @ Pak Chu Awe. 2024. Temu bual, 9 Ogos.
- Owi Ten Tian. 2024. Temu bual, 30 Julai
- Pue, Giok Hun. 2012. *Peranakan sebagai Fenomena Sosial dengan Tumpuan kepada Komuniti Cina Peranakan di Kelantan (Tesis PhD)*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rajoo Sengkodeen. 2024. Temu bual, 23 Ogos.
- Roff, William R. 1974. *Kelantan: Religion, Society, and Politics in A Malay State*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Tan Ah Wang. 2024. Temu bual, 5 Ogos.
- Tan, Chee Beng. 1983. *Chinese Peranakan Heritage in Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Tan, Chee Beng. 1993. *Chinese Religion in Malaysia: A Cultural Perspective*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Tan, Chee Beng. 2020. *The Economics of Religion: Rituals and Financial Constraints in Chinese Religious Practices*. Singapore: Palgrave Macmillan.
- Tan, Teong Jin, Ho, Wah Foon & Tan, Joo Lan. 2005. *The Chinese Malaysian Contribution*. Kuala Lumpur: Centre for Malaysian Chinese Studies.
- Teng Keong Loong @ Tok Lung. 2024. Temu bual, 8 Ogos.
- Ting, Chew Peh. 1992. *The Chinese in East Coast Malaysia: A Study of Cultural Assimilation*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Winzeler, R. L. 1985. *Ethnic Relations in Kelantan*. Oxford University Press.
- Yeap Kway Theng. 2024. Temu bual, 2 Ogos.
- Zuriati Binti Mohd Rashid & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2011. Social interaction among Muslims and Buddhists in Kampung Tendong, Pasir Mas, Kelantan, Malaysia. *International Journal of Business and Social Science*, 2(1), 72–83.
- Zuriati Mohd Rashid. 2008. *Cross Religious and Social Interaction among Muslims and Buddhists in Kampung Tendong, Pasir Mas, Kelantan*. Unpublished Master's thesis, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.